

Headline **Pemaju rumah perlu utama tanam pokok**
Date **07 Mar 2010**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **342,946 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **L-38**
Article Size **274 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **3,472**
PRValue **10,416**



Pemaju rumah perlu utama tanam pokok

Korporat wajar bantu hijaukan alam

KUALA LUMPUR: Sektor korporat khususnya pemaju perumahan tidak seharusnya sekadar memenuhi keperluan pihak berkuasa tempatan menghijaukan bumi sebaliknya perlu turut menggiatkan usaha sama penanaman pokok dengan agensi kerajaan bagi membendung perubahan cuaca yang tidak menentu.

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Zool Azha Yusof, berkata usaha sektor swasta menjadikan kempen menanam pokok sebahagian tanggungjawab sosial dengan tidak memirkirkan keuntungan, mampu mengekalkan keseimbangan di antara pembangunan dan alam sekitar.

"Tidak dinafikan sebagai negara membangun kita perlukan pembangunan pesat secara te-

ratur dan mapan untuk memastikan kita tidak ketinggalan dalam aspek ekonomi, teknologi dan sosial apabila dibandingkan dengan negara lain.

"Tanpa pemuliharaan dan pengurusan sistematik, impak terhadap pengurusan sumber asli akan membawa kesan negatif yang bukan saja ditanggung negara malah dunia," katanya merasmikan Pelancaran Program Trees To Green anjuran I&P Group Sdn Bhd, Kementerian

Sumber Asli & Alam Sekitar dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di Kelab Golf Kinrara, di sini, semalam.

Pelancaran program itu se-rentak sambutan Hari Landskap Negara pada 3 Mac dan Hari Perhutanan Sedunia pada 21 Mac ini, menyaksikan Zool Azha dan Pengurusi I&P Group, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid menanam anak pokok Meransi.

Kira-kira 200 pokok hutan seperti Meransi, Kekantong, Ke-

kandis, Tembusu, Karak dan beberapa jenis pokok buah-buahan seperti rambai dan asam gelugor ditanam di sekitar Kelab Golf Kinrara yang meliputi kawasan seluas 177 ekar.

Syarikat pemaju perumahan I&P Group, di bawah naungan Permodalan Nasional Berhad adalah syarikat pertama menjalin kerjasama dengan kementerian yang menjadi sebahagian tanggungjawab sosial melaksanakan program berkaitan penanaman pokok.

"Selain I&P Group, satu lagi pemaju perumahan di Pekan Pahang juga giat dengan program penanaman pokok. Ia satu petanda baik apabila sektor korporat semakin terdorong untuk meneruskan usaha pemuliharaan dan menghijaukan alam sekitar dan kementerian akan terus memberikan khidmat teknikal khususnya membabitkan teknik tanaman pokok," katanya.



MAJLIS menanam pokok oleh Ahmad Sarji di Kelab Golf Bandar Kinrara, semalam.